

**KESAN PRINSIP BERSEGMENTAL DALAM  
APLIKASI PEMUJUKAN MULTIMEDIA BAGI  
MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN  
MENGURANGKAN KEBIMBANGAN MURID  
TERHADAP PENGURUSAN JENAZAH**

**KHAIRULNISAK BINTI MOHAMAD ZAINI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**KESAN PRINSIP BERSEGMENTAL DALAM  
APLIKASI PEMUJUKAN MULTIMEDIA BAGI  
MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN  
MENGURANGKAN KEBIMBANGAN MURID  
TERHADAP PENGURUSAN JENAZAH**

**oleh**

**KHAIRULNISAK BINTI MOHAMAD ZAINI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana**

**Mei 2017**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., saya amat gembira dan bersyukur kerana dapat menyiapkan tesis akhir saya ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu tercinta, Puan Aishah Ismail, adik-beradik serta keluarga atas sokongan dan motivasi, sentiasa ada bersama tidak kira waktu senang atau susah dan jatuh bangunnya saya sepanjang perjalanan kajian saya ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar bin Wan Yahaya, atas kepakaran, pemahaman dan kesabaran beliau kepada kejayaan saya menyiapkan tesis ini. Saya sangat menghargai pengetahuan beliau yang luas dan kemahiran dalam pelbagai bidang dalam membantu menyiapkan kajian dan tesis ini. Untuk semua pensyarah PTPM, ribuan terima kasih diucapkan atas bantuan dan sokongan secara langsung dan tidak langsung, dan tidak dilupakan kakitangan pentadbiran yang telah membantu dalam kajian saya ini.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada semua rakan-rakan saya di dalam dan di luar USM untuk pertukaran ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menyelesaikan kajian saya yang membantu berkongsi pengalaman dalam menjalankan kajian. Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menyumbang dan membantu sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu secara langsung dan tidak langsung menyiapkan kajian ini. Sekali lagi, saya ingin memberi sepenuh perhormatan kerana mereka benar-benar layak menerimanya. Wassalam.

## SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Penyataan Masalah.....	14
1.4 Kajian Awal .....	17
1.4.1 Tahap Kebimbangan Murid Terhadap Kematian .....	17
1.4.2 Pengetahuan Murid Terhadap Pengurusan Jenazah .....	18
1.4.3 Tahap Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Jenazah .....	19
1.5 Tujuan Kajian.....	21
1.6 Objektif Kajian.....	21
1.7 Persoalan Kajian.....	22
1.8 Hipotesis Kajian.....	24
1.9 Kepentingan Kajian.....	26
1.10 Batasan Kajian .....	26

1.11 Kerangka Kajian.....	28
1.12 Kerangka Teori Kajian.....	29
1.12.1 Strategi Pembelajaran Tutorial .....	31
1.12.2 Teknologi Pemujukan.....	32
1.12.3 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (CTML).....	33
1.12.4 Garis Panduan Reka Bentuk Untuk Remaja.....	34
1.13 Definisi Operasional.....	35
1.13.1 Aplikasi Multimedia .....	35
1.13.2 Mod Persembahan .....	35
1.13.3 Pembelajaran Mobil (m-pembelajaran).....	36
1.13.4 Pengetahuan.....	37
1.13.5 Kebimbangan.....	37
1.14 Rumusan.....	38

## **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan .....	39
2.2 Pengajaran Tajuk Pengurusan Jenazah .....	39
2.2.1 Penggunaan Multimedia bagi Tajuk Pengurusan Jenazah.....	43
2.3 Strategi Pembelajaran Tutorial.....	51
2.3.1 Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan Strategi Pembelajaran Tutorial.....	54
2.4 Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (CTML) .....	57
2.4.1 Prinsip Pembelajaran Multimedia.....	61
2.4.2 Prinsip Pembahagian Segmen .....	62

2.4.3 Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan dengan Prinsip Pembahagian	
Segmen .....	64
2.5 Teknologi Pemujukan .....	67
2.5.1 Prinsip Teknologi Pemujukan .....	69
2.5.2 Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan Teknologi Pemujukan .....	72
2.6 Pembelajaran Mobil (m-Pembelajaran) .....	77
2.6.1 Pembelajaran Mobil (m-pembelajaran) dalam Konteks Kajian .....	78
2.6.2 Penggunaan Peranti Mobil ( <i>Tablet</i> ) dalam Pembelajaran .....	79
2.7 Garis Panduan Reka Bentuk untuk Remaja .....	81
2.8 Teknologi dan Jantina .....	83
2.9 Multimedia dan Pengetahuan .....	85
2.10 Kebimbangan .....	88
2.11 Rumusan .....	90

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan .....	91
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	91
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian .....	93
3.4 Pemboleh Ubah Kajian .....	95
3.4.1 Pemboleh Ubah Bebas .....	96
3.4.2 Pemboleh Ubah Bersandar .....	96
3.4.3 Pemboleh Ubah Moderator .....	97
3.5 Instrumen Kajian .....	97
3.5.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca Pengetahuan .....	98

3.5.2	Ujian Pra dan Ujian Pasca Kebimbangan.....	100
3.6	Kesahan Dalaman dan Kesahan Luaran Kajian.....	102
3.6.1	Kesahan Dalaman .....	102
3.6.2	Kesahan Luaran .....	104
3.7	Prosedur Kajian.....	105
3.7.1	Kajian Rintis .....	105
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Data Sebenar.....	107
3.8	Kaedah Analisis Data.....	109
3.9	Rumusan.....	111
<b>BAB 4: REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN</b>		
4.1	Pendahuluan.....	112
4.2	Model ADDIE.....	112
4.3	Fasa Analisis ( <i>Analysis Phase</i> ) .....	116
4.3.1	Analisis Masalah.....	116
4.3.2	Analisis Kumpulan Sasaran.....	116
4.3.3	Analisis Kandungan Pembelajaran .....	117
4.4	Fasa Reka Bentuk ( <i>Design Phase</i> ) .....	118
4.4.1	Strategi Pembelajaran Tutorial .....	119
4.4.2	Prinsip Reka Bentuk Pemujukan .....	128
4.4.3	Prinsip dalam Reka Bentuk Multimedia (Prinsip Pembahagian Segmen).....	131
4.4.4	Garis Panduan Reka Bentuk untuk Remaja.....	133

4.5 Fasa Pembangunan ( <i>Development Phase</i> ) .....	137
4.5.1 Menyediakan Papan Cerita .....	137
4.5.2 Menyediakan Prototaip .....	139
4.5.3 Menghasilkan Teks .....	140
4.5.4 Menyediakan Grafik dan Animasi .....	140
4.6 Fasa Pelaksanaan ( <i>Implementation Phase</i> ) .....	141
4.7 Fasa Penilaian ( <i>Evaluation Phase</i> ) .....	142
4.7.1 Penilaian Formatif .....	142
4.7.2 Penilaian Sumatif .....	146
4.8 Rumusan .....	146

## **BAB 5: ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan .....	147
5.2 Ciri-ciri Sampel .....	148
5.2.1 Bilangan Sampel Mengikut Pemboleh Ubah Moderator .....	148
5.3 Kesamaan (Homogeneity) Antara Dua Kumpulan Eksperimen .....	149
5.4 Ujian Normaliti .....	152
5.4.1 Ujian Normaliti untuk Skor Pengetahuan .....	152
5.4.2 Ujian Normaliti untuk Skor Kebimbangan .....	154
5.5 Keputusan Analisis Statistik Mengikut Persoalan Kajian .....	156
5.5.1 Pengujian Hipotesis $H_{01}$ .....	158
5.5.2 Pengujian Hipotesis $H_{02}, H_{03}, H_{04}, H_{05}$ .....	162
5.5.3 Pengujian Hipotesis $H_{06}$ .....	165
5.5.4 Pengujian Hipotesis $H_{07}, H_{08}, H_{09}, H_{10}$ .....	169

5.6 Rumusan Dapatan Kajian.....	173
5.7 Rumusan.....	177
<b>BAB 6: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	
6.1 Pengenalan .....	178
6.2 Perbincangan Dapatan Kajian .....	178
6.2.1 Kesan aplikasi AM-DS dan AM-TS dari aspek pengetahuan murid terhadap Pengurusan Jenazah .....	179
6.2.2 Kesan aplikasi AM-DS dan AM-TS dari aspek pengetahuan murid yang berbeza jantina terhadap Pengurusan Jenazah .....	182
6.2.3 Kesan aplikasi AM-DS dan AM-TS dari aspek kebimbangan murid terhadap Pengurusan Jenazah .....	184
6.2.4 Kesan aplikasi AM-DS dan AM-TS dari aspek kebimbangan murid yang berbeza jantina terhadap Pengurusan Jenazah .....	185
6.3 Implikasi Kajian.....	187
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan.....	189
6.5 Penutup.....	190
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>192</b>
<b>PENERBITAN .....</b>	<b>203</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Dapatan Kajian Awal Tahap Kebimbangan Murid Terhadap Kematian..... 18
Jadual 1.2	Dapatan Kajian Awal Pengetahuan Murid Terhadap Pengurusan Jenazah..... 19
Jadual 1.3	Dapatan Kajian Awal Tahap Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Jenazah..... 20
Jadual 2.1	Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan Penggunaan Multimedia bagi Tajuk Pengurusan Jenazah..... 45
Jadual 2.2	Tiga Andaian dalam Teori Kognitif..... 58
Jadual 2.3	Prinsip Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2009)..... 61
Jadual 2.4	Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan Teknologi Pemujukan..... 73
Jadual 3.1	Kaedah Persampelan Kajian..... 95
Jadual 3.2	Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha..... 102
Jadual 3.3	Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha untuk STAI..... 102
Jadual 3.3	Keputusan Ujian Pengetahuan..... 106
Jadual 3.4	Keputusan Ujian Kebimbangan..... 107
Jadual 3.6	Jenis Data Analisis untuk Hipotesis Kajian..... 110
Jadual 4.1	Dapatan Penilaian Kebolegunaan Aplikasi..... 145
Jadual 5.1	Bilangan Murid dalam Setiap Kumpulan Mod..... 148
Jadual 5.2	Bilangan Sampel Mengikut Pemboleh Ubah Moderator..... 149
Jadual 5.3	Ujian Levene untuk Menguji Kesamaan Varians bagi Ujian Pra Pengetahuan..... 149

Jadual 5.4	Ujian ANOVA untuk Skor Ujian Pra Pengetahuan Mengikut Mod Persembahan.....	150
Jadual 5.5	Ujian Levene untuk Menguji Kesamaan Varians bagi Ujian Pra Kebimbangan.....	151
Jadual 5.6	Ujian ANOVA untuk Skor Ujian Pra keseimbangan Mengikut Mod Persembahan.....	151
Jadual 5.7	Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Skor Pengetahuan.....	152
Jadual 5.8	Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Skor Kebimbangan.....	154
Jadual 5.9	Statistik Deskriptif Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Skor Pengetahuan.....	159
Jadual 5.10	Ujian Levene untuk Kesamaan Ralat Varians bagi Skor Pengetahuan.....	160
Jadual 5.11	Dapatan Ujian ANOVA bagi Skor Ujian Pengetahuan.....	160
Jadual 5.12	Analisis Perbandingan Berpasangan bagi Skor Pengetahuan.....	161
Jadual 5.13	Ujian Univariate bagi Skor Pengetahuan.....	161
Jadual 5.14	Statistik Deskriptif untuk Skor Pengetahuan Mengikut Jantina.....	163
Jadual 5.15	Ujian Kesamaan Varians bagi Skor Pengetahuan Mengikut Jantina.....	163
Jadual 5.16	Ujian ANOVA untuk Skor Pengetahuan Mengikut Jantina.....	164
Jadual 5.17	Keputusan Ujian Post Hoc Perbandingan Berpasangan (Kaedah Bonfferoni) bagi Skor Pengetahuan Mengikut Jantina.....	165
Jadual 5.18	Statistik Deskriptif Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Skor Kebimbangan.....	166
Jadual 5.19	Ujian Levene untuk Kesamaan Ralat Varians bagi Skor Kebimbangan.....	167

Jadual 5.20	Dapatan Ujian ANOVA bagi Skor Ujian Kebimbangan.....	168
Jadual 5.21	Analisis Perbandingan Berpasangan bagi Skor Kebimbangan.....	168
Jadual 5.22	Ujian Univariate bagi Skor Kebimbangan.....	169
Jadual 5.23	Statistik Deskriptif untuk Skor Kebimbangan Mengikut Jantina.....	170
Jadual 5.24	Ujian Kesamaan Varians bagi Skor Kebimbangan Mengikut Jantina...	170
Jadual 5.25	Ujian ANOVA untuk Skor Kebimbangan Mengikut Jantina.....	171
Jadual 5.26	Keputusan Ujian Post Hoc Perbandingan Berpasangan (Kaedah Bonfferoni) bagi Skor Kebimbangan Mengikut Jantina.....	172
Jadual 5.27	Rumusan Dapatan Kajian.....	174

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Bidang <i>Captology</i> dalam Teknologi Pemujukan..... 8
Rajah 1.2	Kerangka Kajian..... 28
Rajah 1.3	Kerangka Teori Kajian.....30
Rajah 1.4	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia..... 33
Rajah 2.1	Struktur dan Langkah-langkah Dalam Strategi Pembelajaran Tutorial... 52
Rajah 2.2	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia..... 58
Rajah 2.3	Triad Berfungsi dalam Teknologi Pemujukan..... 68
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian..... 92
Rajah 3.2	Reka Bentuk Faktorial untuk Mengkaji Kesan Mod Persembahan dan Jantina.....93
Rajah 3.3	Pemboleh Ubah Kajian..... 95
Rajah 3.4	Carta Aliran Prosedur Kajian..... 109
Rajah 4.1	Rajah Model ADDIE..... 114
Rajah 4.2	Reka Bentuk Aplikasi Mengikut Lima Fasa dalam Model ADDIE..... 115
Rajah 4.3	Lima Bahagian Dalam Kandungan Pembelajaran Pengurusan Jenazah..... 118
Rajah 4.4	Struktur dan Langkah-langkah Dalam Strategi Pembelajaran Tutorial..... 119
Rajah 4.5	Skrin Tajuk Aplikasi..... 120
Rajah 4.6	Skrin Objektif Aplikasi..... 121
Rajah 4.7	Skrin Animasi Dialog.....121
Rajah 4.8	Skrin Persembahan Maklumat Untuk Mod AM-DS.....122

Rajah 4.9	Skrin Persembahan Maklumat Untuk Mod AM-TS.....	122
Rajah 4.10	Skrin Soalan / Aktiviti.....	124
Rajah 4.11	Skrin Tindak Balas Soalan / Aktiviti.....	124
Rajah 4.12	Skrin Tindak Balas.....	125
Rajah 4.13	Skrin Semakan Jawapan Apabila Jawapan Betul.....	126
Rajah 4.14	Skrin Semakan Jawapan Apabila Jawapan Salah.....	126
Rajah 4.15	Skrin Menamatkan Aplikasi.....	127
Rajah 4.16	Skrin Aktiviti-aktiviti Pengurusan Jenazah.....	129
Rajah 4.17	Skrin Antara Muka Prinsip Pengurangan.....	129
Rajah 4.18	Skrin Antara Muka Prinsip Kemudahan Mobil.....	130
Rajah 4.19	Skrin Yang Menunjukkan Prinsip Bersegmen (AM-DS).....	131
Rajah 4.20	Skrin Yang Menunjukkan Mod Tidak Bersegmen (AM-TS).....	132
Rajah 4.21	Reka Bentuk Visual (Tajuk).....	134
Rajah 4.22	Reka Bentuk Visual (Menu Utama).....	134
Rajah 4.23	Reka Bentuk Interaksi.....	135
Rajah 4.24	Penulisan Dalam Aplikasi.....	136
Rajah 4.25	Contoh Paparan Papan Cerita Bagi Mod Bersegmen (AM-DS).....	138
Rajah 4.26	Contoh Paparan Papan Cerita Bagi Mod Tidak Bersegmen (AM-TS)..	138
Rajah 4.27	Skrin Antara Muka Tajuk.....	139
Rajah 4.28	Skrin Menu Utama.....	140
Rajah 5.1	Histogram untuk Normaliti Skor Pengetahuan.....	153
Rajah 5.2	Normal Q-Q Plot Skor Pengetahuan.....	154
Rajah 5.3	Histogram untuk Normaliti Skor Kebimbangan.....	155
Rajah 5.4	Normal Q-Q Plot Skor Kebimbangan.....	156

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Soalan Pra Pengetahuan
LAMPIRAN B	Soalan Pasca Pengetahuan
LAMPIRAN C	Pengukuran Kebolehpercayaan Bagi Ujian KR20 (Instrumen Pengetahuan)
LAMPIRAN D	Soalan Pra Kebimbangan
LAMPIRAN E	Soalan Pasca Kebimbangan
LAMPIRAN F	Borang Penilaian Kandungan
LAMPIRAN G	Borang Penilaian Kandungan : Pakar Perisian
LAMPIRAN H	Borang Penilaian Kebolegunaan Aplikasi
LAMPIRAN I	Surat Kebenaran EPRD
LAMPIRAN J	Surat Kebenaran JPN
LAMPIRAN K	Bukti Penilaian Pakar Kandungan
LAMPIRAN L	Bukti Penilaian Pakar Perisian

## SENARAI SINGKATAN

CMLMS	<i>Customized Mobile Learning Management System</i>
CTML	<i>Cognitive Theory of Multimedia Learning</i> (Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia)
ICT	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KR20	Kaedah Kuder Richardson Formula 20
LMS	<i>Learning Management System</i>
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain
PBK	Pembelajaran Berbantuan Komputer
PDA	<i>Personal Digital Assistant</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPBK	Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

**KESAN PRINSIP BERSEGMENTAL DALAM APLIKASI PEMUJUKAN  
MULTIMEDIA BAGI MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN  
MENGURANGKAN KEBIMBANGAN MURID TERHADAP  
PENGURUSAN JENAZAH**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan aplikasi pemujukan multimedia ke atas pengetahuan dan kebimbangan tajuk pengurusan jenazah dalam kalangan murid tingkatan dua. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan reka bentuk faktorial 2x2. Pembangunan aplikasi pemujukan ini mengaplikasikan prinsip persembahan bersegmental dengan mengintegrasikan strategi pembelajaran tutorial serta berasaskan model reka bentuk pembelajaran ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Pemboleh ubah bebas untuk kajian ini terdiri daripada dua mod persembahan aplikasi pemujukan multimedia dengan mod bersegmental ataupun AM-DS dan aplikasi pemujukan multimedia dengan mod tidak bersegmental ataupun AM-TS. Pemboleh ubah bersandar untuk kajian ini pula adalah pengetahuan dan kebimbangan manakala pemboleh ubah moderator yang dikaji ialah jantina murid. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang murid Tingkatan dua daripada empat buah sekolah menengah harian dan kesemua murid yang terlibat dengan kajian ini dibahagikan kepada dua kumpulan rawatan. Kumpulan murid yang pertama menerima rawatan dengan mod persembahan AM-DS manakala kumpulan kedua menerima rawatan dengan mod persembahan AM-TS. Data yang diperolehi daripada kajian ini dianalisa dengan menggunakan ujian ANOVA. Dapatan kajian

menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan dan skor kebimbangan di kalangan murid yang didedahkan dengan aplikasi yang dibangunkan. Murid yang menggunakan mod persembahan AM-DS memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang menggunakan mod persembahan AM-TS. Kajian ini juga menunjukkan dengan menggunakan aplikasi multimedia yang mengadaptasi prinsip pembahagian segmen dan strategi pembelajaran tutorial dalam pembelajaran dapat memberi impak positif bagi meningkatkan pengetahuan dan mengurangkan kebimbangan murid terhadap pengurusan jenazah. Penggunaan prinsip dan strategi ini dapat mengurangkan beban kognitif murid untuk belajar seterusnya memudahkan murid untuk faham kandungan pembelajaran dan menjadikan pembelajaran lebih efektif. Pembangunan aplikasi multimedia ini juga telah menyumbang kepada peningkatan bilangan aplikasi berasaskan komputer yang boleh digunakan dalam pembelajaran.

**THE EFFECTS OF SEGMENTING PRINCIPLE IN PERSUASIVE  
MULTIMEDIA APPLICATION IN INCREASING KNOWLEDGE AND  
REDUCING ANXIETY OF STUDENTS ON THE TOPIC OF  
ISLAMIC FUNERAL**

**ABSTRACT**

The purpose of this study is to investigate the effects of persuasive multimedia application on the students knowledge and anxiety on the topic of Islamic Funeral among form two students. This study used incorporates the use of a quasi-experimental design with factorial design 2x2. The development of this persuasive app applies the segmenting principle in its integrated tutorial learning strategy and it is based on the five phases in ADDIE instructional design model namely analysis, design, development, implementation and evaluation. The independent variable for this study consist of two presentation modes in persuasive multimedia app namely the segmented mode or AM-DS and the non-segmented mode or AM-TS. The dependent variables for this study are the knowledge and the anxiety of the students on the topic of Islamic Funeral, while moderator variable of this study is student's gender. The studied sample consists of 120 Form two students from four secondary schools and all the students involved in this study were divided into two treatment groups. The first group of students received treatment with AM-DS presentation mode while the second group received treatment with AM-TS presentation mode. Data obtained from this study were analyzed using ANOVA test. The findings show that there were significant differences in knowledge scores and anxiety scores among students who were exposed to the app developed. Students

who used AM-DS presentation mode obtained a higher score than students who used AM-TS presentation mode. The study also shows that by using multimedia application that adapts the segmenting principle and tutorial learning strategy have some positive impacts to improving knowledge and reducing anxiety of students toward the topic Islamic Funeral. The use of these principles and strategies can reduce the cognitive load of students to learn, thus facilitating the students to understand the learning content and make learning more effective. The development of this app has also contributed to the increased number of computer-based app that are used in learning.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kebelakangan ini, penggunaan multimedia dalam pembelajaran telah berkembang dengan pesat. Penggunaan perisian aplikasi multimedia dapat membantu proses pengajaran guru di dalam kelas supaya menjadi lebih fleksibel dan efektif seperti yang dinyatakan oleh Zamri dan Nur Aisyah (2011). Perisian multimedia ini juga dapat meringankan beban pengajaran dan seterusnya meningkatkan mutu pengajaran guru serta meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam pembelajaran. Gabungan elemen teks, animasi, audio dan video dalam penggunaan multimedia dapat membantu murid mencapai matlamat di samping mewujudkan konsep pembelajaran interaktif dan sendiri. Pembinaan perisian multimedia perlu diimplementasikan dengan teori pembelajaran yang dapat menggalakkan pembinaan minda melalui gaya pembelajaran berpengalaman dan aktiviti berpusatkan murid (Mohd Sharin, Ahmad & Khairul Azman, 2014).

Sejajar dengan perkembangan penggunaan multimedia yang semakin maju, ianya telah diaplikasikan dalam pembelajaran mobil (m-pembelajaran atau *m-Learning*) dengan menggunakan peranti mobil. Di Malaysia, penggunaan peranti mobil seperti telefon mudah alih atau telefon pintar, *Personal Digital Assistant* (PDA), komputer bimbit atau *laptop* dan lain-lain peranti telah meningkat manakala perkembangan teknologi tanpa wayar juga kini menunjukkan perkembangan yang amat pesat (Rosyahida & Mohamad Hisyam, 2011). Permintaan yang tinggi terhadap telefon mudah alih menjadikan ia

mampu dimiliki dengan harga yang semakin murah. Penggunaan telefon mudah alih ini membolehkan maklumat diperolehi secara tanpa wayar yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang seterusnya memungkinkan pembelajaran dilaksanakan. Masyarakat telah mula menerima pandangan tentang penggunaan telefon mudah alih dalam kepentingan pendidikan (Rosyahida & Mohamad Hisyam, 2011).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras di sekolah rendah dan sekolah menengah serta mata pelajaran yang wajib bagi murid yang beragama Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Di sekolah, mata pelajaran Pendidikan Islam ini adalah salah satu mata pelajaran yang penting dalam membentuk generasi yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan berketerampilan pada masa hadapan (Abdul Jamir, Ab. Halim, & A'dawiyah, 2012). Pendidikan Islam juga berperanan dalam pembangunan modal insan seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi meliputi aspek sistem pendidikan yang berkualiti berlandaskan akidah, syariah dan akhlak seperti yang digariskan dalam Islam (Mohd Faez & Azmi Kamarul, 2011).

Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat banyak bahagian seperti Ibadat, Tilawah, Akhlak, Sirah dan Aqidah. Tajuk yang terkandung dalam Bab Ibadat merangkumi tajuk pelajaran bukan sahaja melibatkan pelajaran secara teori malah memerlukan perlaksanaan secara praktikal. Ia juga menumpukan perkaramengenai penghayatan ibadah menerusi pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan

disiplin ibadah serta memahami peranan Fardu ‘Ain dan Fardu Kifayah sebagai ibadah yang diperlukan untuk pembangunan diri ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Di samping itu, tajuk dalam bab ibadah ini juga dapat memperkukuh dan mempertingkatkan amalan ibadat-ibadat Fardu ‘Ain serta memahami Fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam dalam menyumbang kepada kemajuan hidup. Antara contoh tajuk-tajuk dalam sukatan Pendidikan Islam Tingkatan tiga yang terdapat skop pengajaran ibadah seperti Solat Ketika Sakit, Solat Aidilfitri dan Aidiladha, Pengurusan Jenazah Satu Kefardhuan dan Zakat Harta (Noor Hayani, Norisahidah & Surya Adliza, 2009).

Pengurusan jenazah terdapat di dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Tiga dalam Bab Ibadat dan juga Perkara Asas Fardu Ain (PAFA). Bagi Bab Ibadat, tajuk ini menerangkan mengenai kewajipan untuk menguruskan jenazah iaitu tindakan awal ketika berlaku kematian, memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, mensolatkan jenazah serta mengebumikan jenazah. Selain itu, dalam bab ini juga diterangkan langkah-langkah penting untuk menguruskan jenazah serta hikmah bagi setiap bahagian pengurusan jenazah. Bagi PAFA yang menekankan hafazan, untuk tajuk pengurusan jenazah ini murid hanya menerangkan langkah-langkah, bacaan doa dan bacaan niat sahaja manakala dalam silibus amali hanya terdapat amali cara mensolatkan jenazah (KPM, 2002). Ini disebabkan oleh cara mensolatkan jenazah tidak memerlukan peralatan yang khusus untuk melakukan amali.

Dalam Islam, urusan menguruskan jenazah adalah fardu kifayah, iaitu apabila sudah dikerjakan oleh sebahagian dari orang Islam yang lain, maka yang lainnya tidak berdosa, tetapi apabila tiada seorang pun yang mengerjakan kewajipan tersebut, maka semua

orang Islam dalam kawasan tersebut akan berdosa (Maizahanim, 2015). Setiap orang Islam perlu mempelajari ilmu pengurusan jenazah ini kerana ia merupakan tuntutan yang perlu disegerakan oleh orang yang bertanggungjawab menguruskan jenazah sebaik sahaja mengetahui kematian seorang muslim yang lain. Ia juga merupakan kewajipan dan tanggungjawab terakhir orang yang masih hidup terhadap orang yang meninggal dunia (Pusat Islam USM, 2007). Orang yang berhak untuk menguruskan jenazah adalah terdiri daripada kalangan keluarganya ataupun warisnya bagi menjaga aurat, memelihara kehormatan dan kemuliaan serta menutup keaiban jenazah (Maizahanim, 2015).

Apabila berlaku sesuatu kematian, pihak keluarga atau waris akan bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah tersebut dan kebiasaannya aktiviti menguruskan jenazah ini dilakukan dengan bantuan pihak masjid atau qaryah sesuatu kawasan. Bagi jenazah lelaki, jenazah diuruskan oleh ahli keluarga dan waris mengikut turutan iaitu ayahnya, kemudian anak-anak lelakinya dan juga ahli keluarga terdekat. Begitu juga dengan jenazah perempuan, ia diuruskan oleh ahli keluarga dan waris mengikut turutan iaitu ibunya, kemudian anak-anak perempuannya dan juga ahli keluarga terdekat. Namun bagi jenazah perempuan, pihak perempuan hanya menguruskan aktiviti memandikan serta mengkafankan jenazah sahaja. Manakala bagi mensolatkan serta mengebumikan jenazah, ia diuruskan oleh pihak lelaki sama ada jenazah lelaki ataupun jenazah perempuan (Pusat Islam USM, 2007). Ini menunjukkan pihak lelaki mempunyai tanggungjawab yang lebih dalam menguruskan jenazah.

Untuk aktiviti memandikan jenazah, lelaki diberi keutamaan untuk memandikan jenazah lelaki, manakala perempuan diberi keutamaan untuk memandikan jenazah perempuan. Sekiranya terdapat jenazah lelaki dan yang hadir untuk memandikannya hanya seorang

lelaki kafir dan seorang wanita muslimah, maka lelaki kafir tersebut diberi keutamaan untuk memandikan jenazah tersebut. Harus bagi suami memandikan mayat isterinya yang bukan dalam talak raj'i atau iddah walaupun dia mengahwini adik-beradik isterinya setelah isterinya meninggal dunia dan mayatnya belum dimandikan, begitu juga dengan hamba-hamba perempuan miliknya. Bagi isteri pula, harus memandikan mayat suaminya walaupun si isteri telah habis 'iddahnya dan dia telah berkahwin dengan orang lain. Selain itu, harus bagi lelaki memandikan mayat mahram perempuannya contohnya bapa harus memandikan mayat anak perempuannya dan harus bagi perempuan memandikan mayat mahram lelakinya contohnya ibu harus memandikan mayat anak lelakinya. Bagi jenazah kanak-kanak lelaki dan perempuan yang belum bernafsu boleh dimandikan pemandi lelaki atau perempuan (Pusat Islam USM, 2007).

Berdasarkan kajian Awaatif dan Wan Ahmad Jaafar (2013a), masih terdapat individu yang menganggap tugas menguruskan jenazah adalah tugas dan tanggungjawab imam, bilal dan siak serta menganggap mereka tidak perlu melibatkan diri dalam perkara tersebut. Ini kerana tidak semua orang mempunyai pengetahuan serta tidak berani untuk menguruskan jenazah kerana mempunyai perasaan takut apabila melihat jenazah. Perasaan takut ini wujud kerana pemikiran dan menganggap wajah orang yang mati menakutkan dan mengerikan serta menganggap bahawa orang yang mati akan menghantui hidup. Oleh yang demikian, pendedahan kepada ilmu pengurusan jenazah perlu dipraktikkan kepada masyarakat Islam seawal mungkin sejak di sekolah lagi. Walau bagaimanapun, kebanyakan remaja hari ini hanya belajar di sekolah tetapi tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini disebabkan oleh cara untuk menguruskan jenazah mempunyai banyak langkah yang perlu dipatuhi dan kebanyakan

remaja tidak yakin untuk melakukannya. Tambahan pula, apabila melibatkan kematian ahli keluarga, kebiasaannya jenazah diuruskan oleh waris tetapi dengan bantuan pakar (Khairulnisak & Wan Ahmad Jaafar, 2014).

Walaupun tajuk pengurusan jenazah terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam namun masih terdapat murid yang mempunyai perasaan takut atau bimbang dengan pengurusan jenazah (Khairulnisak & Wan Ahmad Jaafar, 2014). Ketakutan dan kebimbangan adalah sebahagian biasa dalam hidup. Setiap orang pasti akan diminta untuk menghadiri atau mengambil bahagian dalam menguruskan jenazah. Bagi yang mengalami kebimbangan, ia boleh menjadi suatu yang mengejutkan. Sesetengah individu mungkin mempunyai *necrophobia*, iaitu takut kepada mayat atau benda mati serta berasa takut dengan ritual yang terlibat selepas seseorang mati seperti paparan badan, pengurusan mayat atau pengebumian. Terdapat juga individu yang mungkin berasa cemas apabila melihat kesedihan dan berkabung serta mungkin bimbang perasaan ini akan menghantui diri dan hidup (Me, 2010).


Ketakutan dan kebimbangan pengurusan jenazah disebabkan oleh beberapa faktor. Berdasarkan kajian Ahmad Shukri (2003), kebanyakan umat Islam kurang menguasai dan melibatkan diri dalam pengurusan jenazah serta kurang pengetahuan mengenai pengurusan jenazah. Kajian Awaatif dan Wan Ahmad Jaafar (2013b) menunjukkan kurangnya kesedaran terhadap tanggungjawab menguruskan jenazah di kalangan generasi muda. Hal ini terjadi kerana ramai daripada generasi muda tidak tahu cara-cara menguruskan jenazah dan hanya menyerahkan sepenuhnya kepada generasi yang lebih tua untuk melaksanakannya. Hanya segelintir generasi muda dapat menguruskan jenazah

yang melibatkan ahli keluarga tetapi hanya dapat melakukannya dengan bantuan orang yang lebih pakar.

Kewujudan multimedia adalah sebagai satu alternatif yang dapat mempelbagaikan lagi strategi untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang menarik dan menyeronokkan (Zamri & Mohamed Amin, 2008). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti multimedia dapat menyediakan pelbagai peluang kepada pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran manakala murid diberi peluang untuk mengawal sesuatu sesi pembelajaran. Murid juga berpeluang untuk menentukan teknik belajar yang bersesuaian dengan mereka, membentuk pengetahuan berdasarkan keperluan masing-masing serta mengalami suasana pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan (Jamalludin & Zaidatun, 2003). Dapatan kajian Othman dan Lukman (2011) menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam mempunyai minat tinggi terhadap penggunaan multimedia untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran memandangkan multimedia bukan lagi sesuatu fenomena yang baru dalam dunia pendidikan negara kita.

Secara umumnya ke semua prinsip multimedia yang dicadangkan oleh Mayer (2009) telah digunakan dalam reka bentuk dan pembangunan aplikasi multimedia untuk kajian ini. Namun prinsip pembahagian segmen dipilih untuk digunakan dalam pembangunan aplikasi. Dalam prinsip pembahagian segmen, mesej multimedia yang kompleks dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil yang dibentangkan secara berurutan dengan kawalan murid. Prinsip ini dipilih kerana tajuk Pengurusan Jenazah mempunyai banyak langkah yang perlu dilakukan sepanjang pelaksanaannya dan ia membolehkan murid untuk mengawal kadar pembelajaran mereka sendiri.

Multimedia juga mempunyai kelebihan sebagai teknologi pemujukan. Teknologi Pemujukan ditakrifkan secara umum sebagai teknologi yang direka untuk mengubah sikap atau tingkah laku pengguna melalui pujukan dan pengaruh sosial, tetapi tidak melalui paksaan. Ia adalah satu bidang penyelidikan antara disiplin, memberi tumpuan kepada reka bentuk dan pembangunan teknologi interaktif yang bertujuan untuk mengubah sikap atau tingkah laku pengguna melalui pujukan dan pengaruh sosial, tetapi tidak melalui paksaan atau penipuan (Fogg, 2003). Fogg (2003) telah mencipta satu perkataan ‘*captology*’ iaitu singkatan frasa yang bermaksud ‘*Computer as Persuasive Technology*’ (Komputer Sebagai Teknologi Pemujukan). ‘*Captology*’ adalah satu cara berfikir dengan jelas tentang tingkah laku sasaran dan bagaimana untuk mencapai matlamat tersebut menggunakan teknologi bagi tujuan mengubah sikap dan tingkah laku. Rajah 1.1 menunjukkan bidang *captology* dalam teknologi pemujukan yang menerangkan kawasan bertindih antara komputer dan pemujukan.



Rajah 1.1: Bidang *captology* dalam teknologi pemujukan (Sumber daripada Fogg, 2003)

Mobiliti dan rangkaian mewakili sempadan baru untuk teknologi pemujuan (Fogg, 2003). Menurut Fogg (2003), penggunaan peranti mobil dan suara boleh menjadi begitu berkesan dalam memujuk seseorang untuk mengubah sikap dan tingkah laku serta mempromosikan produk dan perkhidmatan. Peranti mobil yang mudah digunakan mempunyai potensi yang lebih besar untuk memujuk. Peranti mobil seperti telefon pintar dan peranti *tablet* digunakan dengan meluas untuk mencari maklumat, membuat keputusan dan mengambil tindakan menjadikan manusia menghabiskan lebih masa dengan peranti mobil. Perhubungan unik antara manusia dan peranti mobil ini mewujudkan ruang dan peluang yang sangat besar untuk pujukan dan motivasi. Untuk membuat pengalaman pemujuan mobil yang berjaya, pereka perlu mereka bentuk interaksi yang mudah dan selesa (Fogg & Eckles, 2007). Sama seperti teknologi mobil, teknologi yang berangkaian atau berkaitan mewujudkan peluang untuk menggunakan pengaruh berkesan.

Terdapat sekolah yang telah mula menggunakan telefon mudah alih secara formal dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malaysia juga telah pun menjalankan kajian rintis terhadap pelaksanaannya melalui kajian 'Belajar Secara Maya Guna iPhone' (Utusan Malaysia, 22 Oktober 2009). Dalam kajian ini, 200 orang murid Sekolah Cempaka, Kuala Lumpur dipilih oleh Maxis Communication Berhad untuk belajar menggunakan iPhone dalam program *Virtual Learning Environment* (VLE). Program VLE ini menggunakan iPhone sebagai landasan internet dan juga sekolah dapat memperkenalkan aplikasi yang akan digunakan dalam kurikulum. Ini secara tidak langsung membolehkan maklumat diperolehi secara tanpa wayar yang memungkinkan pembelajaran menggunakan telefon mudah alih yang dikenali dengan pembelajaran mobil (m-

pembelajaran) dilaksanakan dan membuatkan ia penting untuk institusi pendidikan bagi meningkatkan serta membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu cara yang efektif dan berdaya saing (Goggin, 2006).

Kajian oleh Rosyahida dan Mohamad Hisyam (2011) membincangkan mengenai strategi dan pendekatan menggunakan teknologi mobil sebagai alat pembelajaran dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan penekanan kajian ini diberikan kepada pelajar-pelajar pendidikan teknik dan vokasional. Kertas kajian ini lebih menumpukan kepada penggunaan telefon mudah alih untuk persekolahan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia selari dengan hasrat kerajaan untuk membentuk Malaysia sebagai negara perindustrian. Strategi dan pendekatan ini berpotensi untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan dapat menguasai kemahiran generik yang harus ada dalam diri setiap pelajar khususnya pelajar PTV.

Terdapat kajian empirikal yang dijalankan mengenai m-pembelajaran, secara positif mencadangkan untuk menggunakan m-pembelajaran dan penggunaan peranti mobil dalam pengajaran dan pembelajaran kerana terdapat kelebihan untuk pendidikan. Teknologi mobil berpotensi untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, inovasi dalam m-pembelajaran boleh menyebabkan perubahan paradigma dalam pendidikan (Mariam & Woollard, 2010). Menurut Mariam dan Woollard lagi, penggunaan peranti mobil boleh menjadi satu aplikasi untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah di Malaysia. Ini kerana dengan peranti ini, murid dapat mengakses pembelajaran mereka di mana-mana dan pada bila-bila masa. Selain itu, peranti mobil seperti telefon pintar sangat popular di kalangan remaja termasuklah

murid dan ini secara tidak langsung dapat dipertimbangkan sebagai alat motivasi untuk pembelajaran (Kolb, 2008). Kolb telah menjalankan banyak aktiviti pembelajaran dengan menggunakan peranti mobil dan semua aktiviti menunjukkan keputusan yang positif.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Aliff, Mohd Isa, & Azwin Arif (2015) menunjukkan seramai 32 guru Pendidikan Islam daripada lima buah sekolah menengah yang didedahkan dengan aktiviti pembelajaran menggunakan peranti mobil bersedia untuk menggunakannya sebagai m-pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru ini memberi sikap yang positif terhadap penggunaan peranti mobil sebagai salah satu daripada alat pembelajaran. Jadi, cadangan untuk menghasilkan modul m-pembelajaran dalam Pendidikan Agama perlu direalisasikan dan modul m-pembelajaran yang akan dikeluarkan boleh menjadi rujukan untuk guru-guru dan juga pelajar pada bila-bila dan di mana-mana (Aliff et al., 2015).

Kajian awal yang dijalankan oleh Ahmad Sobri & Wan Fatimah (2012) terhadap 575 orang murid daripada tujuh buah sekolah menengah di negeri Perak, 10 orang guru dan 10 orang ibu bapa mengenai pembangunan sistem yang akan dibangunkan *iaitu Customized Mobile Learning Management System (CMLMS)* untuk sekolah menengah di Perak menunjukkan mereka biasa dengan *Learning Management System (LMS)* dan mereka bersedia untuk menggunakan CMLMS yang dibangunkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Dapatan ini adalah penting untuk mencadangkan sistem baru yang melibatkan integrasi telefon teknologi mudah alih dengan sistem yang sedang digunakan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pengguna sasaran biasa dengan telefon teknologi mobil dan mereka percaya cadangan CMLMS yang akan

dibangunkan akan memberi manfaat kepada mereka dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran harian. Ibu bapa dan guru-guru juga percaya bahawa sistem akan menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pelajaran anak-anak mereka dan majoriti pengguna sasaran bersedia untuk menggunakan sistem ini pada masa akan datang.

M-pembelajaran telah diperkenalkan di Malaysia di mana terdapat beberapa institusi pengajian tinggi telah mengintegrasikan teknologi ini dalam pengajaran mereka. Kajian Irwan Mahazir dan Norazah (2011) terhadap pelajar politeknik mendapati pelajar bersedia dan minat untuk belajar menggunakan m-pembelajaran dan produk m-pembelajaran yang dibangunkan akan menjadi satu bahan pembelajaran alternatif di politeknik yang dapat membantu pelajar mencapai pencapaian yang baik di samping pelajar mampu belajar di mana-mana dan bila-bila masa. Kolej komuniti juga telah mencadangkan rangka kerja pelaksanaan konsep m-pembelajaran ini. Antara rumusan dan cadangan kertas kerja kajian Mohd Fizam, Khairul Anuar dan Mohd Tarmizi (2010) adalah m-pembelajaran boleh menjadi pembelajaran yang efektif kepada pelajar dan pensyarah, maklumat pembelajaran terkini dapat dicapai oleh pelajar tanpa meninggalkan bilik kuliah dan pembelajaran ini dapat diadaptasi ke kuliah di mana pensyarah dapat memantau aktiviti pembelajaran pelajar dengan lebih bersistematik.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ahmad Sobri, Wan Fatimah dan Rohiza (2010) mengenai persepsi pelajar Sistem Analisis dan Rekabentuk terhadap m-pembelajaran di Universiti Teknologi Petronas mendapati majoriti daripada pelajar menggunakan telefon yang boleh menyokong persekitaran m-pembelajaran. Dapatan kajian Zoraini Wati, Tina, Harvinder Kaur dan Wei (2009) pula mendapati majoriti responden daripada

Universiti Terbuka Malaysia (OUM) mengatakan m-pembelajaran sangat berguna dan memberi motivasi kepada mereka untuk belajar. OUM telah meneroka untuk menggunakan m-pembelajaran sebagai satu cara untuk menyokong dan meluaskan pembelajaran dan yang lebih penting untuk melibatkan murid dalam proses pembelajaran.

Dengan m-pembelajaran ini, individu dapat belajar secara fleksibel kerana pembelajaran ini dapat membekalkan maklumat terbaru pada bila-bila masa dan dapat membenarkan pelajar mengikut pembelajaran di mana-mana sahaja berdasarkan keupayaan masing-masing serta mengikut kesesuaian masa sendiri. Sifat demikian akan membantu masyarakat menjayakan program pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar juga dapat menjimatkan masa untuk belajar serta tidak perlu lagi duduk di hadapan komputer peribadi untuk mencari dan memuat turun nota dengan hanya menggunakan internet yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan telefon pintar yang dilangani (Rosyahida & Mohamad Hisyam, 2011; Syed Ardi & Zaidatun, 2008).

Terdapat kajian berkaitan dengan pengurusan jenazah yang telah dijalankan oleh Awaatif (2015). Kajian beliau menggunakan Persekitaran Pembelajaran Konstruktivis (Jonassen, 1999) manakala kajian ini menggunakan Strategi Pembelajaran Tutorial oleh Alessi dan Trollip (2001). Prinsip multimedia yang digunakan dalam kajian beliau adalah Prinsip Isyarat dan kajian ini menggunakan Prinsip Pembahagian Segmen daripada Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2001). Dari segi pemboleh ubah kajian, pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian Awaatif (2015) adalah tahap ingat kembali (*recall*), tahap mengenal pasti (*recognition*), tahap pemindahan pengetahuan (*transfer learning*) dan tahap *perceived* motivasi. Manakala

bagi kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang digunakan penyelidik adalah pengetahuan dan kebimbangan. Bagi pemboleh ubah moderator, kajian Awaatif (2015) menggunakan tahap kecerdasan ruang dan kajian ini menggunakan jantina sebagai pemboleh ubah moderator. Dari aspek teknologi, kajian Awaatif (2015) membangunkan koswer realiti maya pengurusan jenazah manakala bagi kajian ini, penyelidik membangunkan aplikasi mobil pemujukan multimedia pengurusan jenazah. Sebagai rumusan, kedua-dua kajian mengkaji topik yang sama iaitu pengurusan jenazah tetapi berbeza dari segi persekitaran pembelajaran, pemboleh ubah kajian dan teknologi yang digunakan dalam kajian.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang kajian, ketakutan dan kebimbangan pengurusan jenazah disebabkan oleh beberapa faktor. Kajian Khairulnisak dan Wan Ahmad Jaafar (2014) menunjukkan tahap kebimbangan murid terhadap kematian dan pengurusan jenazah adalah di tahap yang tinggi. Kebanyakan murid mempunyai perasaan takut apabila berhadapan dengan jenazah. Ini kemungkinan disebabkan oleh anggapan setiap orang bahawa wajah orang yang mati menakutkan dan mengerikan serta menganggap bahawa orang yang mati akan menghantui hidup. Selain itu pengaruh media juga mungkin banyak memaparkan cerita-cerita seram menyebabkan murid berasa takut apabila berdepan dengan jenazah (Khairulnisak & Wan Ahmad Jaafar, 2014).

Daripada kajian Awaatif dan Wan Ahmad Jaafar (2013b) terhadap murid Tingkatan empat untuk melihat kefahaman murid bagi tajuk pengurusan jenazah menunjukkan tahap kefahaman murid agak sederhana. Ini disebabkan oleh murid kurang melibatkan

diri dalam pelaksanaan dalam pengurusan jenazah serta kurang pengetahuan mengenai pengurusan jenazah. Murid tidak tahu cara-cara menguruskan jenazah dan menyerahkan sepenuhnya kepada orang tua atau orang yang lebih pakar daripada mereka untuk melaksanakannya. Murid hanya mempelajari fardhu 'ain dan fardhu kifayah di sekolah dan melupainya apabila meningkat dewasa (Awaatif & Wan Ahmad Jaafar, 2013b).

Pengajaran guru-guru di sekolah yang masih menggunakan kaedah tradisional seperti kaedah syarahan dan *chalk and talk* serta menggunakan alat bantu mengajar seperti buku teks dalam sesi pengajaran menyebabkan murid menjadi kurang minat dan cepat bosan terhadap mata pelajaran yang diajar oleh guru (Mohd Fairuz, Mohd Bekri, Jamil, & Mohd Salleh, 2011). Kaedah pendidikan yang dipraktikkan mengenai tajuk pengurusan jenazah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah juga kurang berkesan dan kurang kepelbagaian kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan guru masih menggunakan kaedah kuliah atau syarahan dalam pengajaran di dalam kelas (Kamarul Azmi, Mohd Faez, Ab Halim, & Mohd Izham, 2011). Guru kebiasaannya juga hanya menggunakan alat bantu mengajar seperti buku teks, buku latihan dan gambar. Ini menyebabkan murid tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai pengurusan jenazah seterusnya menyebabkan murid tidak dapat menguasai tajuk ini (Awaatif & Wan Ahmad Jaafar, 2013b).

Guru Pendidikan Islam disarankan agar menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. ICT di sini tidak membawa maksud bahawa komputer mampu menggantikan tugas guru tetapi apa yang ditekankan adalah kaedah tradisional jika diintegrasikan dengan teknologi akan membuahkan hasil yang mantap dan berkesan (Othman & Lukman, 2011). Pembelajaran menggunakan ICT

ini juga akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih efektif dan interaktif serta dapat menarik minat murid untuk belajar serta membantu guru-guru meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Ajmian & Fatim Nor Muhamad, 2010).

Selain itu, alat bantu mengajar dalam Pendidikan Islam khususnya bagi tajuk pengurusan jenazah yang menggunakan ICT masih kurang (Khairulnisak & Wan Ahmad Jaafar, 2014). Penggunaan ICT bagi perisian atau aplikasi yang sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan jenazah kebanyakannya tidak merangkumi keseluruhan tajuk ini. Dengan menggunakan aplikasi ICT bagi tajuk pengurusan jenazah ini, ia memudahkan murid untuk memahami serta boleh menjadi perangsang kepada murid menggunakannya kerana mempunyai elemen multimedia yang mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Aplikasi ICT juga dapat menajamkan kefahaman murid mengenai pengurusan jenazah dengan mempelajari dan memantapkan pemahaman bagi menguruskan jenazah mengikut lunas-lunas syariat yang betul. Ini kerana murid dapat menggunakan aplikasi berulang kali sehingga faham tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru (Khairulnisak & Wan Ahmad Jaafar, 2014).

Berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan, ia mendorong penyelidik untuk melakukan kajian serta membangunkan satu aplikasi bagi tajuk pengurusan jenazah yang mengintegrasikan pembelajaran mobil (m-pembelajaran) yang menggunakan peranti mobil. Dapatan kajian Aliff dan Mohd Isa (2013) mendapati m-pembelajaran berpotensi dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana remaja berkemampuan untuk memiliki peranti mobil seperti telefon pintar dan murid dapat didedahkan dengan penggunaan aktiviti pembelajaran semasa menggunakan telefon mereka. Penggunaan peranti mobil ini juga telah digunakan secara meluas oleh golongan

muda dan ia diintegrasikan ke dalam kehidupan seharian mereka. Dengan penggunaan peranti mobil, ia boleh dicapai di mana-mana sahaja dan bila-bila masa dan murid juga dapat menggunakan aplikasi ini berulang kali sehingga mereka faham.

#### **1.4 Kajian Awal**

Kajian awal telah dijalankan untuk melihat bahawa masalah daripada kajian yang dijalankan memerlukan bukti baru yang menunjukkan permasalahan yang dikaji masih berlaku. Penentuan keperluan adalah proses menerangkan masalah kepada populasi sasaran dan penyelesaian yang mungkin untuk masalah ini. Tinjauan awal telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif secara soal selidik terhadap murid tingkatan dua. Seramai 10 orang murid daripada sebuah sekolah terlibat yang dipilih secara persampelan rawak mudah sebagai sampel dalam kajian ini. Terdapat tiga bahagian untuk kajian awal ini iaitu tahap kebimbangan murid terhadap kematian, penguasaan murid terhadap pengurusan jenazah dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengurusan jenazah.

##### **1.4.1 Tahap Kebimbangan Murid Terhadap Kematian**

Jadual 1.1 menunjukkan dapatan kajian awal tahap kebimbangan murid terhadap kematian.

### Jadual 1.1

#### *Dapatan Kajian Awal Tahap Kebimbangan Murid Terhadap Kematian*

<b>Soalan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Saya berasa takut akan kematian	10 orang	Tiada
Wujud perasaan takut apabila berhadapan dengan jenazah	8 orang	2 orang
Saya berasa takut berhadapan dengan jenazah kerana belum bersedia untuk mati	7 orang	3 orang
Saya takut cara untuk menghadapi detik kematian	9 orang	1 orang
Saya berasa takut akan kematian kerana sedih meninggalkan semua di dunia	3 orang	7 orang

Berdasarkan Jadual 1.1, dapatan daripada kajian terhadap 10 orang murid menunjukkan bahawa tahap kebimbangan murid terhadap kematian berada di tahap yang tinggi. Murid berasa takut apabila berhadapan dengan jenazah atau kematian. Hal ini disebabkan oleh murid berasa belum bersedia untuk menghadapi kematian. Selain itu sembilan daripada sepuluh murid yang terlibat dengan kajian awal ini berasa takut untuk menghadapi detik kematian. Walau bagaimanapun hanya tiga orang sahaja yang takut dan sedih untuk meninggalkan semua di dunia.

#### **1.4.2 Pengetahuan Murid Terhadap Pengurusan Jenazah**

Jadual 1.2 menunjukkan dapatan kajian awal pengetahuan murid terhadap pengurusan jenazah.

## Jadual 1.2

### *Dapatan Kajian Awal Pengetahuan Murid Terhadap Pengurusan Jenazah*

<b>Soalan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Saya tahu cara menguruskan jenazah	2 orang	8 orang
Saya pernah melibatkan diri dalam pengurusan jenazah	2 orang	8 orang
Saya pernah membaca buku yang berkaitan dengan pengurusan jenazah	4 orang	6 orang
Saya dapat lakukan pengurusan jenazah jika melibatkan ahli keluarga dengan bantuan orang yang lebih pakar	6 orang	4 orang
Saya perlu mempelajari dengan lebih mendalam tentang pengurusan jenazah	10 orang	Tiada

Berdasarkan Jadual 1.2, dapatan daripada kajian terhadap 10 orang murid menunjukkan bahawa tahap pengetahuan murid terhadap tajuk pengurusan jenazah adalah di tahap yang sederhana. Hanya dua orang murid yang terlibat dalam kajian awal ini yang tahu cara untuk menguruskan jenazah serta pernah melibatkan diri dalam aktiviti pengurusan jenazah. Bagi pembacaan buku, empat daripada 10 orang murid pernah membaca buku yang berkaitan dengan pengurusan jenazah. Selain itu, jika kematian melibatkan ahli keluarga, enam daripada 10 murid dapat menguruskan jenazah tetapi hanya dapat melakukannya dengan bantuan orang yang lebih pakar. Kesemua murid yang terlibat dalam kajian ini berasa perlu untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai pengurusan jenazah. Ini kerana murid kurang pengetahuan dan melibatkan diri dengan aktiviti pengurusan jenazah.

### **1.4.3 Tahap Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Jenazah**

Jadual 1.3 menunjukkan dapatan kajian awal tahap penggunaan ICT dalam pengurusan jenazah.

Jadual 1.3

*Dapatan Kajian Awal Tahap Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Jenazah*

<b>Soalan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Saya pernah menggunakan aplikasi ICT berkaitan dengan pengurusan jenazah	1 orang	9 orang
Penggunaan ICT seperti aplikasi dan video dapat membantu saya dalam pengurusan jenazah	6 orang	4 orang
Penggunaan ICT mengenai pengurusan jenazah dapat menajamkan kefahaman saya tentang pengurusan jenazah	9 orang	1 orang
Saya dapat mengetahui kaedah pengurusan jenazah dengan baik dan betul apabila menggunakan ICT	8 orang	2 orang
Penggunaan ICT tentang pengurusan jenazah dapat membantu murid dalam pengajaran dan pembelajaran	9 orang	1 orang

Berdasarkan Jadual 1.3, dapatan daripada kajian terhadap 10 orang murid menunjukkan bahawa tahap penggunaan ICT terhadap tajuk pengurusan jenazah masih kurang. Hanya seorang murid yang pernah menggunakan aplikasi ICT berkaitan pengurusan jenazah. Kebanyakan murid yang terlibat dengan kajian ini mendapati penggunaan ICT seperti aplikasi atau video dapat membantu murid dalam aktiviti pengurusan jenazah. Hampir kesemua murid berasa dengan penggunaan ICT mengenai pengurusan jenazah ini dapat menajamkan kefahaman tentang pengurusan jenazah serta dapat mengetahui kaedah pengurusan jenazah dengan baik dan betul. Selain itu, sembilan orang murid menganggap penggunaan ICT tentang pengurusan jenazah dapat membantu mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk pengurusan jenazah.

Dapatan daripada kajian awal ini menunjukkan bahawa masalah untuk kajian ini adalah wujud dan terdapat bukti yang ia relevan dan perlu untuk dijalankan kajian.